

# 101 sajian Ramadan

Penuhi selera berbuka puasa

Oleh MARIATUL QATIAH ZAKARIA  
maria.zakaria@utusan.com.my

**BUFET Ramadan di Restoran Duyong Kelab Darul Ehsan.**

**R**AMADAN datang lagi. Sebagaimana kebiasaan di mana-mana jua hotel dan restoran, terdapat pelbagai promosi bufet Ramadan untuk sajian berbuka puasa.

Kelab Darul Ehsan (KDE) tidak terkecuali menawarkan pelbagai hidangan menarik dan enak untuk pengunjung berbuka puasa di Restoran Duyong.

Bertemakan Aneka Selera Bufet Ramadan, KDE seperti tahun-tahun sebelum ini sentiasa memastikan hidangan terbaik dari dapur

masakan Cina, Melayu, Barat dan dapur pastri.

Bufet Ramadan yang akan berakhir pada 26 Julai ini ditawarkan pada harga serendah RM68 seorang untuk dewasa manakala kanak-kanak pula RM35 (berumur antara empat hingga 11 tahun).

Menurut Sous Chefnya, Mohd. Aznan Hamzah, walaupun terdapat pelbagai juadah

yang disediakan, KDE tetap mengutamakan masakan kampung.

Ini kerana selain sentiasa mendapat permintaan daripada pengunjung, orang ramai lebih gemar berbuka dengan masakan kampung yang jarang ditemui.

"Menu masakan kampung tetap menjadi pilihan utama KDE dan sajian-sajian seperti udang sambal petai, ikan patin masak tempoyak, ikan tenggiri asam pedas, ketam goreng, dan sotong goreng memenuhi ruang makan.

"Begitupun kami tidak pernah ketinggalan menyediakan kambing panggang serta hidangan barbeku kerana ia turut memberi pelbagai pilihan kepada pengunjung untuk menjamu selera.

"Bagi melengkapkan lagi hidangan berbuka puasa, terdapat juga menu 'goreng-goreng' seperti cempedak goreng, sukun goreng, dan juga kuih-muih Melayu," ujarnya ketika ditemui baru-baru ini.

Tambahnya lagi, selain itu pihaknya turut menyediakan menu bakar-bakar pada setiap hujung minggu seperti ayam dan ikan bakar.

Kepada mereka yang menggemari pencuci mulut pula, jangan lupa

menikmati hidangan dari dapur pastri yang disediakan KDE seperti puding mangga, fruit tartlet, kek kacang hazel, air batu campur (ABC), dan juga pulut durian sebagai penutup hidangan berbuka puasa.

Chef Mohd. Aznan

turut memberitahu, tahun ini mereka menyediakan lebih 101 jenis hidangan dan setiap hari ia adalah sajian yang berbeza.

Bagi mereka yang inginkan kelainan dalam memenuhi selera, turut disediakan sajian berkonsepkan gerai yang secara tidak langsung memberi lebih pilihan untuk para tetamu.

"Setiap tahun kami juga tidak pernah ketinggalan menyediakan nasi ayam KDE dan sekiranya anda lihat, kesemua menu yang disediakan merupakan menu yang boleh dinikmati semua pelanggan dari pelbagai peringkat umur.

"Apa yang pasti, kami memberikan sajian-sajian terbaik untuk para pelanggan nikmati sepanjang Ramadan ini," katanya lagi.

Sambil menikmati hidangan ketika berbuka puasa, para pengunjung juga dapat menonton persembahan kumpulan muzik ghazal secara live.

Selain itu, terdapat juga bazar Ramadan di sepanjang laluan masuk ke Restoran Duyong untuk para pengunjung mencuci mata serta membeli barangan keperluan hari raya.

## Ragam Ramadan

